

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]**

**TARIKH : 1 APRIL 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek Asia Petroleum Hub yang terbengkalai dan jumlah peruntukan Kerajaan untuk projek ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada 7 dan 14 Januari 2009 bersetuju supaya projek pembangunan pulau tebus guna di Tanjung Bin dilaksanakan sepenuhnya melalui pembiayaan pihak swasta dan Kerajaan hanya memberi pajakan tanah kepada Asia Petroleum Hub (APH) sahaja. Kerajaan turut memutuskan pada ketika itu, supaya isu pemegang saham di dalam syarikat Asia Petroleum Hub Sdn. Bhd. diselesaikan terlebih dahulu sebelum perjanjian pajakan kecil tanah antara Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) dan APH ditandatangani. Walaubagaimanapun, pihak APH telah gagal memuktamadkan perjanjian pemegang saham tersebut. Berikutan kegagalan syarikat menyelesaikan isu dalaman pemegang sahamnya selain syarikat juga tidak mempunyai apa-apa dokumen pegangan pajakan dengan LPJ dan Kerajaan yang menyebabkan pihak pembiaya menghentikan kemudahan pinjaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, memandangkan projek ini dilaksanakan melalui pembiayaan swasta, tiada sebarang peruntukan dikeluarkan oleh Kerajaan bagi tujuan pembangunan loji petroleum di Tanjung Bin ini.

Sekian, terima kasih.